

10 APR 2002

Kayveas-MIC

PPP SEDIA BEKERJASAMA DENGAN MIC ATASI MASALAH MASYARAKAT INDIA

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) hari ini mengulangi kesediaannya untuk bekerjasama dengan MIC bagi menangani masalah sosial yang semakin mengancam masyarakat India di negara ini.

Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata masalah sosial seperti gangsterisme, kongsi gelap, pembunuhan, pergaduhan menggunakan senjata berbahaya dan jenayah begitu ketara di kalangan belia India sejak kebelakangan ini.

"PPP sentiasa sedia berkerjasama dengan MIC dalam apa jua program yang dijalankan bagi mengatasi masalah ini. PPP juga sedia menghulurkan bantuan berupa cadangan, tenaga kepakaran dan turut serta menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MIC. Jika MIC mengundang kita sentiasa sedia berganding bahu dengan MIC," katanya.

Ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun ke-49 PPP di ibu pejabat parti itu di sini, beliau berkata meskipun gejala sosial membabitkan semua kaum, namun ia agak serius dan membimbangkan di kalangan masyarakat India.

"Hampir setiap hari terdapat pelbagai kes yang tidak diingini dipaparkan dalam akhbar tempatan terutamanya kes gangsterisme, perbalahan dan pembunuhan di kalangan masyarakat India yang melibatkan belia dan remaja," katanya.

Kayveas berkata tugas menangani masalah sosial kaum India tidak boleh diletakkan pada bahu MIC sahaja, ia memerlukan bantuan dan sokongan daripada pihak luar memandangkan tugas itu agak berat.

"Kita perlu faham bahawa semua parti dan persatuan adalah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat. Walaupun haluan dan prinsipnya berlainan tetapi motifnya adalah sama iaitu berkhidmat untuk masyarakat dan menjaga kepentingan rakyat," katanya.

Katanya MIC tidak perlu teragak-agak untuk meminta bantuan dan kerjasama terutamanya daripada PPP dan parti komponen yang lain kerana semua parti adalah anggota keluarga Barisan Nasional.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata segala perancangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya kerana sebelum melakukan sesuatu beliau sentiasa mendapatkan pandangan pelbagai pihak.

Katanya di kalangan masyarakat India juga terdapat banyak pakar dan golongan profesional yang berada di luar lingkungan politik tetapi boleh menghulurkan bantuan bagi mengatasi masalah sosial, dan sebagai langkah bijak MIC harus memanfaatkan semua tenaga tersebut.

-- BERNAMA

GH ZS NMO